

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[KLANG]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 (SELASA)

**SOALAN**

**TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan Bantuan Prihatin Rakyat dan bilangan isi rumah dan individu yang menerima BPR Julai 2020 hingga Oktober 2021. Adakah ia berdasarkan senarai isi rumah miskin tegar dan mutlak terbaru, dan 580,000 orang di M40 yang tergelincir ke dalam kategori B40 akibat pandemik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya, **9.6 bilion ringgit** telah diperuntukkan untuk Bantuan Prihatin Rakyat (atau BPR) bagi memanfaatkan **8.4 juta penerima** bagi tahun 2021 melibatkan **3.6 juta isi rumah, 1.0 juta warga emas sebatang kara atau tiada pasangan dan 3.8 juta individu bujang.**

Penerima **BPR** yang dikenal pasti turut berada dalam senarai pangkalan data e-Kasih, yang merangkumi golongan miskin tegar dan mutlak, adalah berjumlah hampir 500 ribu, iaitu 420 ribu di bawah kategori isi rumah dan 80 ribu di bawah kategori individu bujang.

## NO SOALAN : 42

Penerima BPR juga turut melibatkan golongan 40% menengah kumpulan pendapatan (atau M40) yang tergelincir masuk ke dalam kategori B40 akibat pandemik COVID-19. Ini terbukti apabila terdapat hampir **500 ribu permohonan baharu dan rayuan BPR yang memenuhi syarat kelayakan dan telah diluluskan** bagi memastikan mereka turut menerima bantuan tunai ini.

Kerajaan sentiasa komited memastikan semua bantuan tunai Kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasaran yang ditetapkan terutamanya golongan yang terjejas akibat COVID-19.

Sekian, terima kasih.